

KETOZOL CREAM

Ketoconazole (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ketoconazole
2. Bagaimana Ketoconazole berfungsi
3. Sebelum mengambil Ketoconazole
4. Cara menggunakan Ketoconazole
5. Semasa menggunakan Ketoconazole
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ketoconazole
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ketoconazole

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit bahagian dada dan belakang badan (*pityriasis versicolor*), kaki (*athlete's foot*), badan, kaki dan tangan (*tinea corporis*), celah paha (*tinea cruris*) dan kepala (*seborrheic dermatitis*).

Bagaimana Ketoconazole berfungsi

Ia mengandungi ketoconazole, yang berfungsi membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Ketoconazole

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan keluaran.

- Sebelum mula mengambil

Jangka rawatan lengkap mesti dipenuhi. Jangkitan kulat mungkin memerlukan tempoh rawatan panjang. Sebarang rawatan dengan krim steroid harus dikurangkan secara berkala bila rawatan dengan krim ketoconazole dimulakan untuk mengelakkan iritasi kulit. Krim ini tidak boleh digunakan pada mata.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang berkesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Ketoconazole

- Berapa banyak harus diambil

Disapu pada bahagian berkenaan satu atau dua kali sehari. Rawatan diteruskan untuk beberapa hari lagi selepas tanda-tanda hilang. Tempoh rawatan bergantung kepada keterukuran jangkitan, biasanya panau: 2 - 3 minggu, jangkitan kulat: 2 - 3 minggu, kulit: 2 - 4 minggu, kulit kepala: 3 - 4 minggu, kaki: 4 - 6 minggu, kelelumur: 2 - 4 minggu. Penilaian dipertimbangkan semula jika tidak sembah selepas rawatan 4 minggu.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Ketoconazole

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Iritasi, keradangan kulit atau rasa sengit mungkin berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Ketoconazole

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ketoconazole
- Bahan tidak aktif: paraffin cair, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, disodium edetate dan air.

- Nombor MAL:

MAL19991432AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/05/2017

Nombor siri

BPK(R4/1)16052017/00106